

AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NASIONAL

## JKNS jawab isu Hospital Cyberjaya tak terima pesakit

**Shah Alam:** Hospital Cyberjaya yang beroperasi kira-kira tiga bulan lalu masih dalam usaha menambahkan perkhidmatan secara berperingkat.

Berikutan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) meminta orang ramai menggunakan fasiliti kesihatan berhampiran bagi kes biasa bagi mengelakkan kesesakan.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata Hospital Cyberjaya mula beroperasi pada 11 November tahun lalu secara berperingkat bermula dengan perkhidmatan keemasan, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik dan Perubatan Am.

"Sehingga kini, Hospital Cyberjaya beroperasi dengan tambahan beberapa perkhidmatan lain seperti Pembedahan Am, Patologi, Radiologi, dan Anestesiologi.

"Jabatan Farmasi juga sudah membekalkan ubat-ubatan mengikut perkhidmatan yang disediakan. Orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan di Hospital Cyberjaya melalui Klinik Pakar dan Jabatan Kecemasan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagaimanapun, katanya, Jabatan Kecemasan Hospital Cyberjaya akan memberi keutamaan kepada kes kecemasan dan kritikal.

Beliau berkata demikian merujuk ciapan twitter bertarikh 10 Februari lalu yang tular berkaitan isu penolakan pesakit di Hospital Cyberjaya.

Justeru, katanya, sebarang usaha ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di hospital ini sentiasa dialu-alukan dan akan dipertimbangkan sewajarnya.

"Orang ramai digalakkan untuk mengemukakan sebarang maklum balas atau cadangan melalui Unit Perhubungan Awam Hospital Cyberjaya di e-mel [aduanhcj@moh.gov.my](mailto:aduanhcj@moh.gov.my)," katanya.

Jabatan Kecemasan Hospital Cyberjaya akan memberi keutamaan kepada kes kecemasan dan kritikal



Dr Sha'ari  
Ngadiman,  
Pengarah  
Kesihatan  
Selangor

AKHBAR : BH AHAD  
 MUKA SURAT : 20  
 RUANGAN : NASIONAL



Ramai lelaki berusia 50 tahun ke atas membuat pemeriksaan pada Program Saringan Kanser Prostat 2023 Peringkat Negeri Pahang di Bera.

(Foto: Roselan Ab Malek/BH)

## Lebih 1,000 kes baharu kanser dikesan setiap tahun di Pahang

**Bera:** Lebih 1,000 pesakit kanser baharu dikesan di negeri ini setiap tahun dan daripada jumlah itu, 60 peratus atau 600 orang menghidap kanser tahap tiga dan tahap empat.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Bahagian Perubatan), Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr Wan Abdul Rahim Wan Muhammad, berkata ini termasuk kira-kira lapan daripada 10,000 lelaki berusia 50 tahun ke atas yang disaring disahkan menghidap kanser prostat.

"Sebab itu penting pemeriksaan awal kepada lelaki terutama berusia 50 tahun ke atas. Tidak perlu tunggu sakit, pergi sahaja ke klinik kesihatan berdekatan.

"Hanya beberapa minit untuk melakukan pemeriksaan air kencing. Sekiranya ada sesuatu dikesan menerusi keputusan ujian itu,

baru individu terbabit perlu menjalani pemeriksaan seterusnya," katanya selepas Majlis Perasmian Program Saringan Kanser Prostat 2023 Peringkat Negeri Pahang, di Hospital Bera.

### Kempen aktiviti tahunan HTAA

Program Saringan Kanser Prostat 2023 Peringkat Negeri Pahang dianjurkan Jabatan Urologi HTAA dengan kerjasama Hospital Bera, Pejabat Kesihatan Daerah Bera, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Sultan Ahmad Shah Medical Centre (SASMEC) dan University Islam Antarabangsa Malaysia (UIA).

Kempen itu adalah aktiviti tahunan Jabatan Urologi Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan yang dilaksanakan sejak 2010.

Selama tempoh itu, ia dijalankan di 10 fasiliti di beberapa daerah

dan Bera adalah destinasi ke-11.

Dr Wan Abdul Rahim berkata, menerusi kempen berterusan ini, lebih 2,000 peserta disaring dan hampir 50 peratus dikesan mempunyai penyakit berkait kelenjar prostat dengan sebilangannya dikesan menghidap kanser prostat peringkat awal.

"Kumpulan sasaran bagi program ini adalah lelaki berumur 50 dan ke atas yang mempunyai simptom kencing (lower urinary tract symptoms) serta lelaki berumur 40 tahun dan ke atas yang mempunyai sejarah kanser dalam keluarga.

"Antara objektif utama program ini adalah mempromosi perkhidmatan urologi di Pahang, selain mewujudkan kesedaran mengenai penyakit prostat dan mempromosikan gaya hidup sihat," katanya.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEGARA

## 'Keutamaan kepada kes kecemasan'

**SHAH ALAM** – Orang ramai diminta menggunakan fasiliti kesihatan berdekatan bagi rawatan kes biasa dalam membantu mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan Hospital Cyberjaya.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman berkata, pihaknya mengambil maklum isu tular berkaitan penolakan pesakit di hospital tersebut.

Jelas beliau, Hospital Cyberjaya mula beroperasi secara berperingkat pada 11 November tahun lalu dengan perkhidmatan kecemasan, obstetrik, ginekologi, pediatrik dan perubatan am.

"Sehingga kini, ia beroperasi dengan tambahan beberapa perkhidmatan lain seperti pembedahan am, patologi, radiologi dan anesthesiologi.

"Orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan menerusi Klinik Pakar dan Jabatan Kecemasan, namun keutamaan diberikan kepada kes kecemasan atau kritikal," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah Dr. Sha'ari, pihaknya memohon kerjasama orang ramai mendapatkan rawatan

bukan kecemasan di fasiliti kesihatan berdekatan bagi mengurangkan kesesakan.

"Sebarang usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di hospital itu sentiasa dialukan dan akan dipertingkatkan sewajarnya.

"Orang ramai digalakkan mengemukakan maklum balas atau cadangan menerusi Unit Perhubungan Awam Hospital Cyberjaya di emel [aduanhcj@moh.gov.my](mailto:aduanhcj@moh.gov.my)," katanya.

Minggu lalu, Kosmo! melaporkan, pembinaan tiga buah hospital awam di Selangor bakal mengatasi masalah kesesakan pesakit di fasiliti awam itu untuk jangka masa panjang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan, Hospital Cyberjaya akan siap sepenuhnya dalam tempoh beberapa minggu lagi selain membina sebuah hospital di Kapar dan Sepang.

Terdahulu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan Kementerian Kesihatan (KKM) melihat keperluan fasiliti kesihatan di negeri ini secara menyeluruh terutama melibatkan proses menunggu yang lama di hospital.



**ORANG ramai diminta dapatkan rawatan bukan kecemasan di fasiliti kesihatan berbanding ke Hospital Cyberjaya.** – GAMBAR HIASAN



AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS / NATION

## Of ventilators and other stories

The auditor general's report is fast becoming a whodunnit

**T**HERE is a pattern to the auditor general's annual report. Every year, hundreds of millions of taxpayer money is lost, either to leakage, wastage or negligence, by those in public service. The year 2021 is no different: the government let slip public funds totalling RM158.08 million. Give it three Ds: disgraceful, distressing and dreadful. Like in all the years that went before, shock waves travel the length and breadth of the nation for a day or two, only to be forgotten until the next one comes along, disclosing to a disbelieving Malaysia an even more appalling drainage of public money.

This pattern must be broken if the nation is not to be taken down the path of financial ruin. Let's not forget Malaysia's debt is RM1.5 trillion. If only the hundreds of millions, sometimes billions, were saved, we would be debt-free. Think of the hospitals, doctors, nurses, schools, teachers and some such things we would have had. But there is something from the Auditor General's Office that disturbs. Follow-ups on audit issues are hard to do because it is complicated and time-consuming, Auditor General Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid told a media briefing on Thursday. We would have thought our chief secretary to the government and secretaries-general would

**Are our civil servants in charge of procurement so inept...?**

have jumped into action to help the overstretched Auditor General's Office. The fact that the leakage is an annual occurrence says no one is jumping to break the pattern.

Here is how the pattern can be broken. Firstly, as the prime minister has ordered, cabinet ministers must place the audit report on the top of their reading list. Having read it, they must pull away in high gear. Secondly, the chief secretary to the government must summon the secretaries-general, because it is in his office that integration happens. In this way, the secretaries-general can't tell the Auditor General's Office that we are waiting for this and that ministries to do this or that thing. Complicated or time-consuming, loopholes must be closed. Take the case of the faulty ventilators acquired by the Health Ministry. Of the 136 ventilators procured between 2020 and April last year, 108 were deemed unsafe. And only 28 were usable. Are our civil servants in charge of procurement so inept as to not know what works and what doesn't? Or is there something more going on here? Either way, they must be held accountable.

One usual recourse in such circumstances is to seek compensation from the supplier. But guess what? There was no written agreement between the supplier and the Health Ministry. This is a deal with many "whys". One of them is: why pay the supplier when there isn't a written agreement? The Health Ministry has a lot to answer for. Troublingly for us, it is not the only one. Other ministries and agencies are similarly making the government bleed red. Putrajaya has a prominence of its own, RM799.34 million for a monorail that was first supposed to be an underground light rail transit. Several structures later, including a tunnel and bus depot costing RM12.2 million, there is no sight of the monorail. Again, why? Well, again, no written documents. Some of our civil servants are getting away with murder. Finally, the Malaysian Anti-Corruption Commission must go after everyone implicated in the report. Yes, fish and fry.